

05/02/2001

Badan khas tangkis laporan salah

Noorwati Salleh

KUANTAN, Ahad - Kementerian Penerangan dan Kementerian Luar Negara bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa bersama bagi menangkis sebarang laporan salah terhadap Malaysia yang disiarkan oleh media asing.

Jawatankuasa terbabit akan mengadakan perbincangan dengan memberi tumpuan kepada perkara yang sengaja disalahkan atau diseleweng, terutama dari segi fakta sebenar mengenai negara ini.

Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob berkata, satu pertemuan akan diadakan dalam masa singkat dan beliau sendiri akan mengambil inisiatif untuk mengadakan mesyuarat bersama itu.

"Saya dan Menteri Luar Negara, Datuk Seri Syed Hamid Syed Jaafar Albar sudah bersetuju menubuhkan jawatankuasa itu dan akan mengadakan pertemuan tidak lama lagi.

"Antara perkara yang akan dibincangkan melalui jawatankuasa ini, termasuk mencari jalan untuk memberi maklum balas terhadap sesuatu laporan salah atau diselewengkan mengenai negara ini, seperti laporan buruk mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Asiaweek.

"Sebenarnya, kita bersetuju membentuk jawatankuasa bersama ini sebelum tersiar berita itu dalam Asiaweek. Kita mengambil keputusan ini apabila mendapati beberapa majalan lain turut melakukan penyelewengan secara sengaja tanpa mereka mengerti kedudukan sebenar apa yang berlaku dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri sambutan Tahun Baru Cina anjuran Jawatankuasa Perundingan Kaum Cina Kuantan, di sini hari ini.

Menurutnya, kebanyakan liputan dan tulisan yang dibuat media asing langsung tidak tepat dan sering memperlihatkan negara ini serta Dr Mahathir dalam satu sudut yang bertentangan dengan hakikat sebenar.

Mohd Khalil yang kesal dengan laporan Asiaweek terhadap Dr Mahathir berkata, bagi Umno, satu penjelasan mengenai perkara itu perlu dibuat oleh pihak media terbabit.

"Berikutan itu, kita melalui Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sudah menulis surat kepada Asiaweek untuk mendapat penjelasan mengenai perkara itu," katanya.

(END)